

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING  
[ STAMPIN ]**

**TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta PERDANA MENTERI menyatakan setiap program/projek yang telah diluluskan semenjak PRU-13 di kawasan Stampin oleh Kerajaan Persekutuan. Senaraikan status bagi setiap projek tersebut. Nyatakan secara terperinci garis panduan serta bagaimana Ahli Parlimen boleh membuat permohonan serta bagaimana Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak boleh bekerjasama dengan Ahli Parlimen tersebut.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak Pilihan Raya Umum ke-13, Kerajaan telah menyediakan peruntukan khas bagi kawasan Parlimen Stampin dengan jumlah RM1.5 juta untuk tempoh 2013 hingga 2015 bagi melaksanakan pelbagai program/projek di kawasan berkenaan.

Bagi tahun 2013 (selepas bulan Mei 2013), sebanyak 11 program/projek telah diluluskan dengan kos sebanyak RM324,172.00 manakala bagi tahun 2014 melibatkan sebanyak 22 program/projek yang telah diluluskan dengan kos sebanyak RM0.5 juta. Peruntukan yang disediakan pada tahun 2015 sebanyak RM0.5 juta sehingga kini masih belum dibelanjakan. Jumlah keseluruhan program/projek dari tahun 2013 sehingga kini adalah berjumlah 33 program/projek bernilai RM824,172.00.

Selain daripada peruntukan bagi kawasan Parlimen, Kerajaan turut meluluskan pelbagai program/projek di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri di kawasan Stampin. Jumlah keseluruhan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri termasuk peruntukan kawasan Parlimen yang diluluskan bagi kawasan Stampin mulai dari bulan Mei 2013 sehingga 15 Mei 2015 adalah sebanyak RM3.52 juta bagi 119 program/projek.

Program/projek yang telah diluluskan termasuk projek infrastruktur kecil, peralatan dan kelengkapan, bantuan kebajikan dan kecemasan,

program sosial kemasyarakatan, keagamaan dan pusat kegiatan masyarakat. Pengurusan peruntukan dan pelaksanaan program/projek ini di kawasan berkenaan adalah diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak tertakluk kepada garis panduan dan peraturan semasa yang berkaitan.

Sekian. Terima kasih.